

# Fakulti perubatan USIM beroperasi di Nilai

Oleh **AINOL AMRIZ ISMAIL**

utusanN9@utusan.com.my

## ■ SEREMBAN 6 DIS.

**F**AKULTI Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang beroperasi di Pandan Indah di ibu negara akan berpindah di Nilai sebaik sahaja pembinaan kompleks yang bernilai RM80 juta itu memulakan kerjanya pada tahun hadapan.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh universiti berkenaan di Nilai, dekat sini hari ini, kompleks fakulti itu dijangka siap pada tahun 2018 bagi membolehkannya berada kawasan lembah ilmu itu, sekali gus memperkasakan bidang berkepentingan perubatan berkenaan.

“Pada tahun hadapan, projek pembinaan Hospital Pengajaran USIM juga akan dimulakan, dijang-

ka siap pada tahun 2019 dengan kos projek berjumlah RM500 juta,” kata kenyataan tersebut.

Ujar kenyataan itu, fakulti itu yang ditubuhkan oleh USIM pada tahun 2004, kini menjadi salah satu daripada 11 institusi pengajian tinggi awam yang menawarkan pengajian dalam bidang perubatan.

“Pelajar yang melanjutkan pengajian di USIM dipilih sepenuhnya dari kalangan jurusan Tamhidi Perubatan, Pusat Tamhidi (Asasi) USIM dengan kumpulan pertama pelajar Sarjana Mudanya adalah seramai 29 orang pada 2006.

“Pada istiadat Majlis Konvokesyen USIM pada 2011 lalu telah mencatat sejarah apabila fakulti berkenaan melahirkan graduan pertama peringkat Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Surgery,” ujar kenyataan berkenaan.

Tegas kenyataan itu lagi, ketika fakulti itu ditubuhkan antara

yang diambil perhatian ialah menjadikan graduannya yang dapat memartabat dan mengintegrasikan Islam dan ilmu perubatan moden dalam pengajaran dan pembelajaran sama ada dalam atau luar kuliah.

“Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Majlis Perubatan Malaysia (MPM) sebagai badan profesional telah memberi pengiktirafan akreditasi penuh selama lima (5) tahun mulai 2014-2019 kepada program Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Surgery di USIM.

“Dalam keputusan penilaian D-SETARA 2011 yang dikeluarkan oleh MQA telah menganugerahkan pencapaian tiga (3) dari empat (4) bintang kepada fakulti itu. Itu menjadikan USIM satu-satunya universiti di Asia yang menawarkan program perubatan seumpamanya yang mengintegrasikan ilmu naqli dan aqli,” jelasnya.